

BAB KETIGA

BAB KETIGA

BIOGRAFI DAN SUMBANGAN DATUK HAJI ABDUL KADIR HASSAN DALAM PERKEMBANGAN ISLAM DI KUCHING, SARAWAK.

3.1. LATAR BELAKANG KELUARGA DAN KETURUNAN

Abdul Kadir Hassan dilahirkan pada hari Khamis 16 Ogos 1928M bersamaan 28 Safar 1347H di Kampung Patingan, Kuching. Bapa beliau ialah Hassan Bin Hussin berasal dari Kuching berketurunan Melayu. Ibunya Maznah Bt. Hj. Amin berasal dari Siniawan Bau, juga berketurunan Melayu. Bapa beliau seorang peniaga kedai runcit, pekebun dan adakalanya menjadi nelayan. Walaupun bapa beliau bukan daripada golongan ulama namun bapanya kuat berpegang pada ajaran Islam misalnya sentiasa menunaikan sembahyang walaupun berada di dalam perahu ketika menangkap ikan. Abdul Kadir Hassan merupakan anak keempat daripada lapan orang adik beradik hasil perkongsian hidup antara Encik Hassan Bin Hussin dan Puan Maznah Bt. Hj. Amin.¹

Semasa kecil Abdul Kadir Hassan telah dibiasakan oleh bapanya melakukan kerja-kerja seperti berniaga, berkebun dan menangkap ikan. Bapanya telah melatih dan mendidik beliau menjadi seorang yang berdikari, rajin dan kuat berusaha. Beliau cekap dalam melakukan kerja yang disuruh oleh bapanya dan sentiasa tekun terhadap sesuatu kerja. Kebolehan yang ada pada beliau ini juga

¹ Adik beradik beliau yang lain ialah Tuan Hj. Ismail, Hajjah, Tuan Hj. Abdullah, Oyuk, Hariah, Tuan Hj. Annuar dan Zarina. Sehingga kajian ini dibuat adik beradik beliau yang masih hidup ialah Hariah, Annuar dan Zarina. Temubual dengan Tuan Haji Annuar Bin Hassan pada 14 Oktober 2002 di Surau Satok Parade.

banyak membantu bapanya melakukan kerja-kerja harian seperti berniaga dan berkebun.²

Sejak kecil lagi beliau,³ menunjukkan budi pekerti yang mulia dan sentiasa taat kepada orang tuanya. Beliau sangat dihormati di kalangan kawan-kawan kerana kemuliaan budi pekerti serta kebijaksanaan beliau.³

3.2 PENGAJIAN

Semasa kecilnya beliau belajar al Quran dengan bapa saudaranya Encik Sulong Bin Hussin. Beliau amat tekun menimba ilmu al Quran.⁴ Dalam ramai-ramai anak murid Encik Sulong, beliau adalah yang paling baik bacaannya. Beliau pernah berguru dengan Tuan Haji Yusuf Abdul Ghani⁵ dalam mempelajari ilmu fiqh dan tauhid bersama-sama dengan Datuk Mohd. Mortadza Hj. Daud. Pembelajaran beliau ketika itu tidak menggunakan kitab khusus sebagai bahan bacaan sebaliknya diajar secara lisan oleh Tuan Guru.⁶ Beliau juga pernah berguru dengan Sheikh Muhammad Sazli Othman dan Sheikh Sharkawi Othman.⁷

² Temubual dengan Tuan Hj. Anuar Bin Hassan pada 14 Oktober 2002 di Surau Satok Parade.

³ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

⁴ Diceritakan oleh adiknya Tuan Hj Anuar Hassan, sekiranya guru al Quran belum datang, Abdul Kadir Hassan ini akan menunggu sambil membaca atau mengulangkaji bacaannya sedangkan orang lain bermain-main dan hanya akan tekun dan memulakan bacaan apabila Guru datang. Temubual dengan Tuan Hj. Anuar Bin Hassan, adik al marhum pada 14 Oktober 2002 di Surau Satok Parade, Kuching.

⁵ Seorang guru tetapi mempunyai ilmu agama yang luas dan mengambil peluang mengajar agama di tempat-tempat beliau mengajar. Johari Bojeng, *op.cit.*, h. 104.

⁶ Datuk Mohd. Mortadza ialah bekas Mufti Negeri Sarawak, beliau merupakan rakan sepengajian Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan semasa belajar dengan Tuan Hj. Yusuf Abdul Ghani dan semasa belajar di Kolej Islam Malaya.

⁷ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

Pendidikan secara formal beliau bermula pada tahun 1936 di Sekolah Merpati Jepang, Kuching. Beliau belajar di sekolah tersebut sehingga darjah 4 iaitu pada tahun 1940. Selepas itu beliau telah ditawarkan mengikuti "Special English Class"⁸ di Madrasah Melayu, Kuching. Beliau adalah pelajar yang cemerlang sehingga beliau dapat mengalahkan pelajar yang telah tamat darjah 5 dalam kelas tersebut.⁹

Kedatangan Jepun pada tahun 1941, memaksa beliau dan rakan-rakannya berhenti sekolah kerana sekolah ditutup.¹⁰ Semangat ingin belajar dan menuntut ilmu tidak pernah pudar daripada jiwa anak remaja ini. Beliau tidak berputus asa dan mula belajar agama secara rasmi di al Madrasah al Islamiyyah di jalan Gambir, Kuching pada tahun 1942¹¹. Pengajian beliau terhenti seketika apabila berlaku huru hara di Sarawak. Abdul Kadir Hassan dan keluarganya melarikan diri daripada keadaan huru-hara tersebut dan berpindah ke Samarahan. Apabila keadaan tenang semula pada tahun 1944 beliau menyambung pelajaran di al Madrasah berkenaan sehingga tahun 1947.¹²

Beliau melanjutkan pelajaran agamanya di Madrasah al Junid, Singapura pada tahun 1952. Setelah belajar setahun di Madrasah berkenaan beliau bekerja

⁸ Satu program yang ditawarkan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar yang terpilih. Semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris.

⁹ Temubual dengan Tuan Hj. Mobil Bin Hj. Paris, Pegawai Pembangunan Dan Pendidikan, Lembaga Amanah Kebajikan Darul Falah, beliau merupakan rakan sekolah Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan pada peringkat sekolah rendah pada 15 Oktober 2002 di Pejabat beliau, Tingkat 1, Bangunan HIKMAH, Jalan Rubber, Kuching.

¹⁰ Tentera Jepun pada ketika itu melarang pelajar belajar bahasa Inggeris malah buku-buku dalam bahasa tersebut ditanam di dalam tanah.

¹¹ Satu-satunya sekolah agama di Kuching pada masa itu. Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1917 dengan nama al Madrasah al Murshidiyyah mengambil nama pengasasnya Datuk Hakim Imam Haji Morshidi. Lihat Idris Zakaria, "Datuk Hakim Imam Haji Morshidi" dlm. *Islam Dan Peranan Ulama-Ulama Sarawak* (1988), Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹² Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

sebagai pensyarah agama di Sekolah Latihan Polis Singapura. Beliau mula giat berdakwah dengan menyampaikan ceramah di masjid-masjid. Pada masa itu beliau merupakan salah seorang penceramah yang diminati oleh umat Islam di Singapura. Selain menyampaikan ceramah beliau juga pernah berkhotbah di Masjid Sultan, Singapura.¹³

Beliau tidak berpuas hati hanya memiliki ilmu setakat di Madrasah sahaja, semangat ini mendorong beliau untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Malaya, Kelang atas biasiswa Kerajaan Sarawak pada tahun 1956. Beliau telah tamat pengajian pada Januari 1959, tetapi hanya meninggalkan Kolej berkenaan pada Disember 1959, kerana beliau masih meneruskan usaha mendapatkan ilmu daripada ulama di Kolej Islam tersebut. Antara guru beliau di Kolej Islam Malaya, Kelang ialah Tan Sri Muhammad Abdul Rauf, Tan Sri Abdul Jalil Hassan, Ustaz Zulkifli Muhammad, Ustaz Hassan Salleh, Dr. Zaki Badawi, Ustaz Nik Mohd Mahyudin Musa .¹⁴

Semasa beliau belajar di Kolej, beliau aktif dalam bidang sukan badminton dan bola sepak. Beliau juga aktif berpersatuan, pernah dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi Pertubuhan Pelajar Kolej Islam. Pada tahun 1959 beliau telah dipilih sebagai Presiden Pertubuhan Pelajar tersebut. Tokoh ini telah menunjukkan bakat dan karisma kepimpinan semasa di alam persekolahan lagi.

¹³ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

¹⁴ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching

Kebolehan dan pengalaman beliau semakin bertambah sehingga beliau dianggap sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati.¹⁵

3.3 KELUARGA

Abdul Kadir Hassan berkahwin dengan Fatimah Hj. Abu Bakar pada tahun 1955 di Singapura. Hasil perkahwinan ini mereka dikurniakan 12 orang anak iaitu, Malihah, Kamaliah, Shazli, Abdul Hadi, Abdul Rauf, Khairul Anuar, Nurhayati, Abdul Aziz, Nadia, Ahmad Zaki, Ahmad Fuad dan Rashidah.¹⁶

Dalam pendidikan anak-anak, beliau begitu mengambil berat tentang hal ehwal agama dan beliau sentiasa memastikan bahawa semua anak-anaknya mendirikan sembahyang lima waktu sehari semalam. Semua anak-anaknya mempelajari al Quran dengan beliau sendiri dan sebelum anak-anak pergi ke sekolah beliau akan memastikan anak-anaknya mengaji terlebih dahulu. Beliau adalah seorang ayah yang tegas terhadap anak-anaknya. Sekiranya beliau mendapati ada orang mempersoalkan anaknya, beliau tidak akan menyalahkan orang tersebut, sebaliknya beliau akan memastikan bahawa anaknya ditanya dan diberi nasihat yang sewajarnya.¹⁷

¹⁵ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002, di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching

¹⁶ Temubual dengan Datin Fatimah Bt. Abu Bakar, balu Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan pada 5 Nov 2002 di rumah beliau 1641, Jalan Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, Kuching.

¹⁷ Temubual dengan Encik Abdul Rauf bin Abdul Kadir, anak beliau yang kelima pada 5 Nov 2002, di rumah beralamat 1641, Jalan Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, Kuching.

Beliau sentiasa mengambil perhatian tentang anak-anak sehingga dijelaskan oleh isterinya, apabila balik mengajar pada waktu malam beliau akan memastikan bahawa semua anak-anaknya berada di rumah dan beliau akan memeriksa dari bilik ke bilik bagi memastikan anak-anaknya melakukan kerja yang berfaedah. Sekiranya beliau mendapati anaknya tidak ada di rumah, beliau akan bertanya kepada isterinya ke mana mereka pergi. Beliau sanggup menunggu anaknya balik untuk bertanya ke mana anaknya keluar.¹⁸ Walaupun beliau begitu tegas terhadap anak-anak namun beliau memberi kebebasan kepada anak-anaknya untuk menentukan bidang pengajian dan pendidikan yang diminati berdasarkan kecenderungan masing-masing.

Beliau adalah seorang yang amat sederhana dalam kehidupannya. Dalam kehidupan berumahtangga beliau merupakan seorang suami yang sentiasa berbudi pekerti yang baik kepada isterinya. Beliau tidak cerewet dan sentiasa menghargai apa yang disediakan oleh isterinya misalnya beliau akan makan apa sahaja makanan yang dihidang oleh isterinya. Beliau seorang yang amat mementingkan kesihatan khususnya melalui pemakanan. Amalan yang biasa beliau lakukan ialah beliau mengunyah makanan sehingga halus dan mengambil masa yang agak lama bagi memastikan makanan itu benar-benar hancur sebelum ditelan.¹⁹

Beliau juga begitu sederhana dan cekap mengurus kewangan rumahtangga. Walaupun gaji beliau tidak begitu besar namun beliau dapat mengurus kewangan

¹⁸ Temubual dengan Datin Fatimah Hj. Abu Bakar, balu Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan pada 5 November 2002 di rumah No. 1641, Jln. Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya.

¹⁹ Temubual dengan datin Fatimah Hj. Abu Bakar, balu Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan pada 5 November 2002 di rumah No. 1641, Jln. Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya.

dengan cekap serta dapat membesarkan anak-anaknya dengan baik. Anak-anaknya tidak pernah kelaparan dan tidak pernah merasa tidak cukup dengan kesederhanaan yang diamalkan oleh bapa mereka.²⁰

3.4. KEPERIBADIAN

Datuk Haji Abdul Kadir Hassan adalah ulama Sarawak yang terbilang dan mempunyai kelebihan yang tersendiri seperti berikut :

3.4.1. KEMULIAAN AKHLAK

Sejak kecil lagi beliau sudah memiliki akhlak yang mulia dan begitu terserlah sekali berbanding rakan sebaya yang lain. Taat kepada ibubapa dan hormat kepada orang tua. Bergaul dengan baik sesama rakannya. Tidak melakukan perbuatan-perbuatan maksiat. Keluhuran budi pekertinya zahir melalui cara beliau bergaul, bercakap, berpakaian, berjalan dan sebagainya.²¹

Beliau sentiasa berhubung dan bergaul dengan orang lain dengan baik dan mesra. Beliau tidak suka bercakap tentang keburukan orang lain. Sekiranya beliau mendapati anak-anaknya bercakap tentang keburukan orang lain beliau dengan

²⁰ Temubual dengan Encik Abdul Hadi Bin Datuk Haji Abdul Kadir pada 19 Mac 2003 di pejabatnya Harwood Timber Sdn Bhd., Jalan Satok, Kuching.

²¹ Temubual dengan Ustaz Hj. Fathi Bin Duet, rakan seperjuangan dalam dakwah dan rakan sekerja semasa di Majlis Islam Sarawak pada 5 Julai 2002 di rumah beliau No. 82, Lot 3149, Taman Pelita, Jalan Sultan Tengah, Kuching.

tegas melarang anak-anaknya melakukan sedemikian rupa kerana perbuatan seperti itu adalah membawa kepada dosa.²²

3.4.2. TAWADHU'

Ciri tawadhu' amat jelas pada Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan, beliau adalah seorang yang merendahkan diri, tidak ego, tidak sombong dan amat mudah didekati. Walaupun beliau telah menduduki jawatan yang tinggi namun beliau tetap bersifat tawadhu'. Contoh yang menggambarkan sifatnya ini ialah apabila beliau berada di pejabat, walaupun beliau telah mengunci biliknya dan dalam perjalanan turun atau keluar dari pejabat sekiranya ada kakitangan atau orang luar yang datang hendak berjumpa beliau, beliau sanggup berpatah balik ke pejabatnya untuk melayan atau memenuhi kehendak kakitangan atau pelanggan.²³

3.4.3. KEBIJAKSANAAN

Beliau adalah seorang yang bijak dan pandai sama ada semasa beliau di Sekolah Rendah lagi ataupun semasa di Madrasah dan Kolej. Semasa di sekolah Merpati Jepang beliau kerap mendapat tempat pertama dalam kelasnya. Ketika beliau mengikuti " Special English Class" di Madrasah Melayu keputusan ujian beliau amat cemerlang sehingga mengalahkan pelajar dalam kelas tersebut yang telah

²² Temubual dengan Encik Abdul Hadi Datuk Haji Abdul Kadir pada 19 Mac 2003 di pejabatnya Harwood Timber Sdn Bhd., Jalan Satok, Kuching.

²³ Temubual dengan Encik Abdul Hadi Bin Datuk Hj. Abdul Kadir pada 19 Mac 2003 di pejabatnya Harwood Timber Sdn. Bhd., Jalan Satok, Kuching.

tamat darjah lima sedangkan beliau baru tamat darjah empat.²⁴ Kepandaian beliau juga amat ketara semasa beliau bersekolah di al Madrasah al Islamiyyah di Kuching dan beliau kerap menjadi pelajar cemerlang. Di Kolej Islam Malaya Kelang beliau pernah melangkau kelas setelah berjaya menduduki peperiksaan dengan cemerlang.²⁵ Beliau dianugerahkan oleh Allah mempunyai ingatan yang kuat. Semasa belajar di al Madrasah al Islamiyyah, Kuching walaupun beliau tidak mencatat nota yang disampaikan oleh guru, tetapi beliau dapat menjelaskan semula kepada rakan-rakan apa yang disampaikan oleh gurunya dengan baik.²⁶

3.4.4. KEKUATAN BERIBADAH

Beliau merupakan seorang yang kuat beribadah kepada Allah (S.W.T.). Selain menunaikan solat fardhu beliau adalah seorang yang rajin menunaikan solat sunat samada pada waktu malam atau siang. Sebelum beliau turun ke pejabat lazimnya beliau akan sembahyang sunat Dhuha terlebih dahulu di rumah.²⁷

Lidahnyanya sentiasa dilazimi dengan bacaan al Quran dan menurut sahabat karibnya Ustaz Hj. Fathi Duet beliau membaca al Quran 3 Juzuk sehari dan setiap 10 hari beliau akan khatam al Quran. Beliau begitu kerap membaca al Quran malah

²⁴ Temubual dengan Haji Mobil Bin Hj. Paris, Pegawai Pembangunan Dan Pendidikan, Lembaga Amanah Kebajikan Darul Falah pada 15 Oktober 2002 di pejabat beliau, Tingkat 1, Bangunan HIKMAH, Jalan Rubber, Kuching.

²⁵ Temubual dengan Datuk Mohd. Mortadza Hj. Daud, Bekas Mufti Negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

²⁶ Temubual dengan Haji Mobil Bin Hj. Paris, Pegawai Pembangunan Dan Pendidikan, Lembaga Kebajikan Darul Falah pada 15 Oktober 2002 di pejabat beliau, Tingkat 1, Bangunan HIKMAH, Jalan Rubber, Kuching..

²⁷ Temubual dengan Ustaz Hj. Abdullah bin Hj. Anis, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak, beliau merupakan anak angkat kepada al marhum pada 4 Julai 2002 di Jabatan Agama Islam Sarawak, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching. Penulis juga telah bertanya hal ini kepada balu dan anak al Marhum iaitu Puan Malihah dan mereka juga menyetujui hal ini.

menurut keterangan Ustaz Hj. Fathi ketika mereka menghadiri seminar di Karachi beliau merasa hairan kerana Datuk Abdul Kadir Hassan ini tidak begitu mengindahkan suasana sepanjang perjalanan dalam kereta walaupun mereka berada di satu tempat baru yang kali pertama dikunjungi, sebaliknya beliau asyik membaca al Quran dan berhenti seketika sahaja.²⁸

3.4.5. KEBERANIAN DAN KETEGASAN BELIAU

Beliau adalah seorang tokoh agama yang berani dan tegas khususnya dalam berpegang kepada ketetapan hukum dan ajaran Islam. Contohnya, pandangan dan pendirian beliau yang mengatakan bahawa upacara “semah”²⁹ adalah bertentangan dengan Islam. Pandangan beliau yang tegas ini telah disampaikan kepada Tom Harison³⁰. Walaupun pada peringkat awalnya Tom Harison kurang bersetuju dengan pandangan tersebut, namun setelah Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan menjelaskannya dengan baik dan bertegas mengenai hukumnya, akhirnya Tom Harison dapat menerima pandangan yang telah diutarakan oleh Datuk Haji Abdul Kadir Hassan.³¹

Ketegasan beliau dalam berpegang kepada pandangan yang telah dinyatakan kepada umum juga begitu jelas, misalnya dalam soal solat sunat tarawih, beliau telah menjelaskan kepada umat Islam supaya menunaikan solat tarawih dua puluh

²⁸ Temubual dengan Ustaz Hj. Fathi Bin Hj. Duet, rakan seperjuangan dalam dakwah dan rakan sekerja semasa di Majlis Islam Sarawak pada 5 Julai 2002 di rumah beliau No. 82, Lot 3149, Taman Pelita, Jalan Sultan Tengah, Kuching.

²⁹ Satu upacara yang dilakukan dengan menyembelih seekor binatang dan diadakan majlis jamuan bertujuan untuk menjaga keselamatan dan mengelakkan daripada sebarang bentuk bala bencana. Sehingga kini majlis semah ini tidak lagi diadakan di Pulau Talang-Talang sebaliknya digantikan dengan majlis bacaan doa selamat.

³⁰ Bekas Pengarah dan Kurator Muzium Sarawak.

³¹ Semasa berlaku perkara ini, Datuk Haji Abdul Kadir Hassan belum menjadi mufti, tetapi beliau telah berani mengutarakan pandangan yang benar mengikut hukum Islam.

rakaat, walaupun ada amalan orang menunaikan solat sunat tarawih lapan rakaat, tetapi beliau tetap menunaikannya dua puluh rakaat. Ketegasan beliau begitu jelas mengenai hal ini apabila beliau sembahyang berjamaah di Istana, walaupun sembahyang tarawih di Istana itu dilaksanakan dengan lapan rakaat, beliau akan meneruskan sembahyangnya secara bersendirian untuk mencukupkan dua puluh rakaat.³²

3.4.6. PETAH DAN BIJAK BERPIDATO

Kekuatan dan kelebihan yang begitu terserlah yang dimiliki oleh beliau ialah sangat petah dan bijak berpidato. Responden³³ yang ditemubual menyatakan bahawa beliau menyerupai Soekarno apabila berpidato. Beliau dapat menarik perhatian khalayak ketika menyampaikan ceramah. Bahasa yang diguna oleh beliau sangat baik dan tersusun rapi. Sebab itulah beliau amat diminati masyarakat Islam di Sarawak dan juga di Singapura ketika beliau belajar dan bekerja di sana.³⁴

3.4.7. BERKEBOLEHAN DALAM KERJA TANGAN

Beliau memiliki kebolehan dalam kerja tangan seperti bertukang dengan melakukan kerja-kerja pertukangan kayu misalnya memperbaiki rumah, berkebolehan membuat perahu, membuat tangki air. Beliau juga seorang yang

³² Temubual dengan Dato' Seri Anis Bin Haji Abot, Mufti Negeri Sarawak pada 5 Julai 2002 di pejabatnya, Tingkat 6, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

³³ Antaranya ialah Dato' Seri Hj. Anis B. Hj. Abot, Tuan Hj. Ali B. Dawi dan Ustaz Hj. Abdullah B. Hj. Anis.

³⁴ Temubual dengan Dato' Seri Hj. Anis B. Hj. Abot, mufti negeri Sarawak pada 5 Julai 2002 di pejabatnya, Tingkat 6, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

berbakat besar dalam seni khat, sumbangan beliau dalam bidang ini ialah salah satu tulisan khat di Masjid Bahagian Kuching³⁵ adalah hasil kerja tangan beliau. Beliau juga kerap menjadi penulis khat bagi Latar Pentas majlis keagamaan seperti Majlis Tilawah¹ dan Maulidurrasul.³⁶ Gambar menunjukkan hasil tulisan khat beliau di Masjid Bahagian Kuching disertakan dalam lampiran.

3.5. SUMBANGAN

Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan telah menabur bakti dan memberi sumbangan yang besar khususnya dalam perkembangan Islam di Sarawak. Dalam kajian ini hanya di ketengahkan sumbangan beliau yang ketara dalam tiga bidang iaitu perkhidmatan awam, dakwah dan politik.

3.5.1. SUMBANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Setelah tamat belajar beliaupun kembali ke negeri Sarawak pada tahun 1960 dan telah dilantik sebagai pensyarah agama³⁷ di Majlis Islam Sarawak sehingga 1963. Beliau telah banyak menyumbang bakti dalam perkhidmatan awam negeri Sarawak khususnya dalam membangunkan hal ehwal Islam.³⁸

³⁵ Dulu masjid ini adalah Masjid Negeri Sarawak, setelah Masjid Jamek Negeri Sarawak dibina di Petra Jaya, masjid ini dijadikan Masjid Bahagian Kuching, terletak di Jalan Masjid, Bandaraya Kuching.

³⁶ Temubual dengan Encik Idris Abang Jajol, Menantu Datuk Haji Abdul Kadir Hassan pada 5 November 2002 di rumah beralamat 1641, Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, Kuching.

³⁷ Gelaran jawatan pegawai agama di Majlis Islam Sarawak ketika itu. Sekarang ini jawatan tersebut disebut Pegawai Hal Ehwal Islam.

³⁸ Temubual dengan Datuk Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud, bekas mufti negeri Sarawak pada 3 Oktober 2002 di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

Almarhum juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan Tabung Haji dalam tahun 1970 sebelum dilantik menjadi mufti. Pada 15 Mac 1971 beliau telah dilantik sebagai Mufti Negeri Sarawak sehingga tahun 1988. Beliau merupakan Mufti Negeri Sarawak yang kedua sejak merdeka dalam Malaysia.³⁹ Semasa meninggal, beliau masih memegang jawatan tersebut. Beliau merupakan mufti yang sangat dihormati, tegas dalam memberi pandangan, berhati-hati dalam menyatakan hukum dan juga menjawab kemusykilan yang diaju kepada beliau.

Ketika berkhidmat sebagai Mufti Sarawak, beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak, ahli Lembaga Penasihat Syariah Bank Islam Malaysia, ahli Lembaga Penasihat Tabung Haji, ahli Jawatankuasa Mentashih al Quran dan ahli Lembaga Pelajaran Islam atau LEPAL.⁴⁰

Beliau adalah seorang yang cekap dalam pentadbiran dan pengurusan. Beliau cukup disegani dan dihormati oleh kakitangannya. Cekap mengelola majlis dan bijak membuat keputusan. Misalnya dalam mempengerusikan Jawatankuasa Majlis Tilawah al Quran, beliau dapat menjalankan amanah tersebut dengan cekap dan berkesan. Apabila dalam mesyuarat jawatankuasa pengelola beliau bijak membuat keputusan yang dapat diterima oleh semua pihak. Paling penting dalam pengurusannya ialah beliau mengamalkan sistem syura.⁴¹

³⁹ Buku Program Upacara Perasmian Sekolah Rendah Majlis Islam Sarawak, *op. cit.* t.h.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Temubual dengan Ustaz Hj. Fathi Bin Duet, rakan sekerja al marhum di Majlis Islam Sarawak dan beliau kerap menjadi setiausaha Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datuk Hj. Abdul Kadir Hassan pada 5 Julai 2002 di rumah beliau No. 82, Lot 3149, Taman Pelita, Jalan Sultan Tengah, Kuching.

Sumbangan beliau yang dianggap besar dalam perkhidmatan awam di negeri Sarawak ialah peranan beliau dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai Islam di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam. Menurut Abdul Rahman Yaakub⁴² satu perbincangan khas telah diadakan beliau dengan Datuk Haji Abdul Kadir Hassan mengenai pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam, ada di kalangan mereka yang terikut-ikut dengan budaya Inggeris, minum arak dan tidak mengindahkan sembahyang. Satu keputusan yang telah dipersetujui ialah supaya pegawai-pegawai kerajaan beragama Islam ini dihimpun dalam satu majlis solat berjemaah dan selepas itu diadakan kuliah dan perbincangan mengenai Islam. Pada peringkat permulaan satu pekeliling dikeluarkan oleh Ketua Menteri supaya pegawai-pegawai tinggi kerajaan berhimpun di kediaman beliau di Rumah Sarawak pada hari ahad iaitu untuk menunaikan sembahyang subuh berjemaah dan mendengar kuliah subuh serta berbincang mengenai Islam. Tenaga utama dalam majlis ini ialah Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Beliau telah menyampai kuliah dengan memuaskan dan dapat berbincang dengan para pegawai dengan cara yang baik. Majlis ini diadakan setiap minggu dan setelah beberapa bulan kesan daripada majlis itu begitu ketara sehingga pegawai-pegawai kerajaan ini mencadang untuk menubuhkan Surau Setia.⁴³ Setelah program Surau Setia ini berjalan program yang diadakan di Rumah Sarawak dihentikan. Surau Setia telah diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Yusuf Puteh. Program ini berkembang dengan baik sehingga dilaksanakan di seluruh negeri Sarawak. Ia amat berkesan sekali dalam usaha

⁴² Tun Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub adalah bekas Ketua Menteri Sarawak dan bekas Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak.

⁴³ Surau Setia ini bukan merujuk kepada tempat tetapi merujuk kepada program sembahyang berjemaah dan perbincangan mengenai Islam untuk pegawai kerajaan. Peringkat awalnya Surau Setia ini telah diadakan di rumah Yang Berbahagia Datuk Abang Yusuf Puteh.

untuk memberi kefahaman dan kesedaran mengenai Islam di kalangan pegawai-pegawai kerajaan.⁴⁴

3.5.2. SUMBANGAN DALAM DAKWAH

Datuk Haji Abdul Kadir Hassan adalah seorang pendakwah yang rajin, bersungguh-sungguh dan gigih. Aktiviti dakwah beliau bermula ketika beliau masih belajar lagi. Semasa bertugas di Majlis Islam, komitmen beliau dalam dakwah begitu terserlah sekali. Pada masa itu pendakwah dari kalangan anak tempatan Sarawak adalah terlalu sedikit. Beliau banyak menabur bakti untuk mengajar di Masjid dan Surau di Kuching⁴⁵ dengan mengayuh basikal dan juga menaiki sampan. Pendakwah yang bersemangat pejuang ini tidak pernah mengatakan “tidak” apabila diminta untuk berdakwah seperti berceramah, mengajar dan sebagainya kecuali apabila beliau benar-benar tidak dapat hadir seperti sakit atau berada di tempat lain. Malah beliau akan tetap mengajar walaupun dalam keadaan demam dan beliau akan merasa sihat apabila beliau dapat mengajar. Semangat pendakwah yang ada padanya tetap berterusan, walaupun beliau telah menjadi mufti namun masih mengajar seperti biasa sebagaimana sebelum beliau dilantik menjadi mufti. Kesibukan beliau dengan tugas rasmi tidak menghalang beliau untuk mengajar di masjid dan surau.⁴⁶

⁴⁴ Temubual dengan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub pada 23 Februari 2003 di rumah No 8, Sri Bahagia, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, Kuching.

⁴⁵ Kampung yang kerap dikunjungi beliau untuk mengajar ialah Kampung Patingan dan persekitarannya, kampung disepanjang sungai Sarawak seperti Panglima Seman, Surabaya, Semarang, Sinjan, Tupong dan lain-lain. Temubual dengan Dato’ Seri Hj. Anis Bin Hj. Abot, Mufti Negeri Sarawak pada 5 Julai 2002 di pejabatnya, Tingkat 6, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

⁴⁶ Temubual dengan Dato’ Seri Hj. Anis Bin Hj. Abot, Mufti Negeri Sarawak pada 5 Julai 2002 di pejabatnya, Tingkat 6, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

Beliau juga sanggup ke kawasan pedalaman untuk berdakwah sama ada di Perkampungan Islam atau bukan Islam. Beliau biasa ke rumah panjang bersama pegawai Majlis Islam Sarawak dan BINA untuk berdakwah dan melakukan upacara pengislaman. Walaupun kerja itu boleh dilakukan oleh pegawai lain dari Majlis Islam Sarawak, namun kerana komitmen beliau, beliau sanggup turut serta walaupun telah menjadi seorang mufti. Misalnya beliau telah terlibat secara langsung dalam pengislaman beramai-ramai di Kampung Sungan, pada 20 Oktober 1982. Pada majlis tersebut seramai 43 orang telah memeluk Islam secara rasmi di hadapan Datuk Haji Abdul Kadir Hasaan iaitu Mufti Negeri Sarawak ketika itu.⁴⁷

Ketika beliau mengajar, beliau banyak memberi penekanan kepada ilmu tauhid dan feqah. Kebiasaannya beliau menggunakan Kitab “Risalah Tauhid” dan “Sabil al- Muhtadin” sebagai bacaan asas. Beberapa responden⁴⁸ yang ditemubual dan pernah mengikuti kelas pengajaran beliau menjelaskan bahawa, ketika mengajar, beliau begitu teliti sekali dan setiap perkataan diguna dengan jelas dan beliau tidak akan berpindah ke tajuk yang lain kecuali setelah tajuk yang diajar itu benar-benar difahami oleh khalayaknya.

3.5.3. SUMBANGAN DALAM POLITIK

Beliau berhenti bertugas di Majlis Islam Sarawak kerana melibatkan diri dalam bidang politik. Beliau pernah bertanding dalam pilihanraya iaitu semasa Pilihanraya Pertama Sarawak bagi kawasan Sibul Laut. Beliau tidak menang dalam

⁴⁷ Sinaran Bina, Keluaran Kesembilan, November 1982, h. 7.

⁴⁸ Antara mereka ialah : Ustaz Hj. Fathi Bin Duet, Ustaz Hj. Abdullah Anis dan En. Idris Bin Jajul.

pilihanraya berkenaan namun beliau tetap aktif dalam politik . Pada tahun 1969 sekali lagi beliau bertanding dalam Pilihanraya atas tiket Barjasa⁴⁹ bagi kawasan Kabong. Dalam pilihanraya berkenaan beliau juga tidak menang tetapi penyertaan beliau dalam politik sangat penting khususnya dalam memberi kesedaran kepada umat Islam tentang pentingnya perpaduan dan kesatuan serta dapat membawa Islam dalam perjuangan umat. Beliau banyak menyumbang tenaga bersama Datuk Hj. Mohd. Mortadza Daud untuk berkempen dengan menggunakan platform parti Barjasa. Bagi menyesuaikan dengan keadaan setempat dan semasa, pada ketika itu tidak dinyatakan dengan jelas perjuangan mengenai isu agama dalam politik, namun beliau dapat mencetus pemikirannya serta dapat memberi teladan yang baik melalui penghayatan nilai-nilai Islam dalam politik. Penglibatan beliau dalam politik juga dapat menggambarkan bahawa Islam itu tidak terpisah daripada politik. Pendekatan ini berbeza dengan ulama Sarawak sebelum ini yang banyak menumpukan perhatian kepada aspek fardhu ain atau pendidikan asas agama sahaja. Beliau berpandangan bahawa umat Islam hanya akan maju jika mereka bersatu⁵⁰. Salah satu wadah penting untuk penyatuan ini ialah politik. Penglibatan beliau dalam politik juga meletakkan

⁴⁹ Singkatan kepada Barisan Rakyat Jati Sarawak, telah ditubuhkan pada 4 Disember 1961. Penubuhan Barjasa sebenarnya disebabkan oleh ketidakpuasan hati kaum Melayu dan Melanau Islam terhadap Panas (Parti Negara Sarawak). Barisan pucuk pimpinan Panas dipimpin oleh Abang Hj. Mustapha yang datang daripada golongan aristokrat Kuching. Pada umumnya, Panas didominasi oleh kaum Melayu dari Bahagian Kuching, manakala dari segi fahaman pula, Panas menyokong penyerahan Sarawak kepada British. Penubuhan Barjasa bererti wujud alternatif pada kalangan kaum Melayu dalam Panas. Parti Barjasa mempunyai matlamat perjuangan seperti berikut :

- (i) Untuk menyelamatkan penduduk Sarawak daripada pengaruh komunis.
- (ii) Untuk memperkenalkan, melindungi dan mendukung prinsip demokrasi berparlimen di Sarawak.
- (iii) Untuk memelihara dan mengembangkan perasaan muhibbah dan harmoni pada kalangan penduduk yang pelbagai kaum di Sarawak dan untuk mengembangkan pertumbuhan bangsa yang kuat dan bersatu padu.
- (iv) Untuk mengambil beberapa langkah yang perlu terhadap kebajikan dan kemajuan penduduk asal khususnya dan penduduk Sarawak amnya.
- (v) Mendukung dan menghormati Piagam Bangsa- Bangsa Bersatu. Lihat Ahmad Nidzammudin Sulaiman *et al.*, *op. cit.* h. 28.

⁵⁰ Temubual dengan Dato' Seri Hj. Anis Hj. Abot, Mufti Negeri Sarawak pada 5 Julai 2002 di Pejabatnya, Tingkat 6, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Satok, Kuching.

beliau antara ulama Sarawak yang awal dapat membuka minda umat Islam tentang kepentingan kepimpinan dan politik secara keseluruhan. Dengan kata lain umat Islam tidak dapat menyisihkan diri mereka daripada politik jika mahu meneruskan kelangsungan ummah. Sebelum itu, pandangan umum cenderung melihat politik tiada kaitan dengan agama malah dilihat secara berasingan.

3.6. HASIL PENULISAN

Pengajaran agama Islam sama ada di institusi masjid dan surau serta madrasah adalah berdasarkan kepada kitab-kitab agama yang ditulis oleh guru-guru itu sendiri atau kitab-kitab yang sudah sedia ada dalam masyarakat Islam. Tradisi ini bukanlah sesuatu yang asing dalam mana-mana kumpulan budaya umat Islam khususnya di Nusantara. Hal ini juga berlaku dalam komuniti Islam di Sarawak.⁵¹ Dalam konteks penulisan ini, Datuk Haji Abdul Kadir Hassan tidak banyak meninggalkan hasil penulisan yang diterbitkan. Setakat yang dikenalpasti oleh penulis ialah koleksi khutbah Jumaat yang ditulis bersama dengan Ustaz Hj. Fathi Duet dan diterbitkan oleh Majlis Islam Sarawak. Beliau ada meninggalkan hasil-hasil tulisan tangan beliau sendiri, seperti teks khutbah Jumaat, koleksi doa, skrip ceramah radio untuk rancangan Pendidikan Agama dan skrip rancangan Soal Jawab Agama yang disiarkan di radio Sarawak. Skrip ceramah dan soal jawab agama sebanyak lapan jilid, pada masa sekarang dalam simpanan Perpustakaan Jabatan Agama Islam Sarawak dan sedang dalam usaha penerbitan oleh Jabatan berkenaan.

⁵¹ Idris Zakaria, "Datuk Hakim Imam Haji Morshidi" dlm. *Islam Dan Peranan Ulama-Ulama Sarawak* (1988). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 96.

Kekurangan penulisan yang diterbitkan ini, pada hemat penulis adalah kerana pada masa itu tokoh ini banyak berdakwah secara lisan dan mengajar dengan menggunakan buku atau kitab yang telah sedia ada. Beliau mempunyai masa yang agak terhad untuk menulis kerana banyak masanya ditumpukan untuk berdakwah secara lisan. Tambahan pula pada masa tersebut masih kedapatan orang yang tidak pandai membaca dan memerlukan penerangan secara lisan. Pada masa tersebut, Majlis Islam Sarawak memang tidak banyak menerbitkan hasil penulisan dan berbeza dengan zaman sekarang yang mana banyak bahan yang telah diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak dan agensi Islam lain.

3.7. PENGIKTIRAFAN

Datuk Haji Abdul Kadir Hassan adalah seorang tokoh yang banyak berjasa kepada perkembangan dan penghayatan Islam di negeri Sarawak. Justeru itu beliau telah dikurniakan Bintang Kesatria Mangku Negara oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung Malaysia. Selain dari itu almarhum juga dikurniakan Pegawai Bintang Sarawak (PBS) dan Bintang Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) yang membawa gelaran Datuk oleh Yang di- Pertua Negeri Sarawak.⁵²

Sebagai mengenang jasa dan sumbangan seorang putra Sarawak yang begitu gigih dalam perjuangannya meninggikan syiar Islam di negeri Sarawak, khususnya dalam menyemarakkan semangat umat Islam dalam menuntut ilmu agama maka

⁵² Buku program upacara perasmian Sekolah Rendah Majlis Islam Sarawak, 24 September 1988.

nama beliau telah diabadikan pada Sekolah Agama Majlis Islam Sarawak yang dikenali sebagai Madrasah Datuk Haji Abdul Kadir Hassan .⁵³

3.8. PERGINYA SEORANG TOKOH

Beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada Jumaat, 15 Januari 1988, jam 4.45 petang di Hospital Umum Sarawak kerana serangan sakit jantung. Jenazah beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Semariang, Jalan Sultan Tengah, Kuching. Pemergian beliau amat dirasai oleh umat Islam di Sarawak kerana ini bermakna pergi atau hilangnya seorang ulama yang banyak menabur jasa dan baktinya dalam perkembangan Islam di Sarawak. Pemergian beliau adalah merupakan kehilangan tokoh agama yang berwibawa bagi negeri Sarawak.⁵⁴

Beliau telah meninggalkan 12 orang anak, Malihah (lahir pada tahun 1956) seorang suri rumah, Kamaliah (lahir pada tahun 1957) seorang suri rumah, Shazli (lahir pada tahun 1958) berkelulusan dalam bidang Usuluddin dari Universiti Al Azhar, Mesir bertugas sebagai Pegawai Agama Islam Bahagian Miri, Abdul Hadi (lahir pada tahun 1960) berkelulusan dalam bidang Matematik dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan bertugas sebagai Pengurus Pemasaran di Harwood Timber Sdn. Bhd., Abdul Rauf (lahir pada tahun 1961) berkelulusan dalam bidang Perakaunan dari Institut Teknologi Mara dan

⁵³ Sekolah ini pada asalnya dinamakan Sekolah Rendah Majlis Islam Sarawak, ditubuhkan pada 4 Januari 1985, dan ditukarkan namanya kepada Madrasah Datuk Haji Abdul Kadir Hassan secara rasmi semasa perasmian sekolah tersebut pada 24 September 1988 yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

⁵⁴ Temubual dengan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub pada 23 Februari 2003 di rumah No.8, Sri Bahagia, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, Kuching.

bertugas sebagai Pengurus Cawangan Operasi Maybank, Kuala Lumpur, Khairul Anuar (lahir pada tahun 1962) bertugas sebagai pemandu di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak, Nurhayati (lahir pada tahun 1964) seorang suri rumah, Abdul Aziz (lahir pada tahun 1965) berkelulusan dalam bidang Pengajian Perdagangan dan bertugas sebagai Pengurus di Gagasan Sdn. Bhd, Nadia (lahir pada tahun 1966) seorang suri rumah, Ahmad Zaki (lahir pada tahun 1968) sedang mengikuti program Diploma Perakaunan dan bertugas sebagai Pegawai Akaun di Shorefield Sdn. Bhd., Ahmad Fuad (lahir pada tahun 1970) berkelulusan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan bertugas sebagai Jurutera di Celcom Timur, Rashidah (lahir pada tahun 1973) sedang mengikuti program Diploma Perakaunan dan bertugas sebagai Pegawai Akaun di Majlis Bandaraya Kuching Selatan.⁵⁵ Dalam ramai-ramai anak beliau hanya Ustaz Haji Shazli sahaja yang mengikut jejak langkah almarhum ayahnya iaitu mengambil pengkhususan dalam pengajian Islam. Ini menunjukkan bahawa beliau memberi kebebasan kepada anak-anaknya untuk mengembangkan potensi dan kecenderungan yang ada pada mereka. Apa yang penting bagi beliau ialah mereka tidak tersasar daripada pendidikan agama dalam bentuk amalan dan penghayatan harian.

⁵⁵ Temubual dengan Encik Abdul Hadi bin Datuk Haji Abdul Kadir pada 19 Mac 2003 di pejabatnya Harwood Timber Sdn. Bhd., Jalan Satok, Kuching.